SAMPEL PERCUMA

Gempur SPM 2022 Pendidikan Islam Perlis + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Jawab ***semua*** soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ٧٠

(Surah al-An`am:70)

Ayat di atas menjelaskan tentang balasan terhadap orang yang mempersendakan Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan Islam. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan mempersendakan Islam. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Senaraikan **dua** golongan tersebut. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan contoh perbuatan seseorang yang menyembunyikan sedekah. [2 *markah*]



(iii) Amalan bersedekah kepada golongan yang memerlukan adalah dituntut dalam agama. Namun ada yang mempertikaikan tindakan segelintir pihak yang bersedekah secara terang-terangan melalui rakaman video, media sosial dan sebagainya.
Berikan hujah anda. [4 *markah*]

(c) Nyatakan **dua** jenis Qalqalah dalam hukum tajwid. [2 *markah*]

2 (a) Iman boleh terbatal melalui iktikad, perkataan dan perbuatan.

(i) Nyatakan **dua** perkara terbatalnya iman melalui iktikad. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh batal iman melalui perbuatan. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 *markah*]

(b) (i) Al-Syahid merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. Apakah maksud al-Syahid? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman anda mengenai al-Syahid. [4 *markah*]

Masih terdapat segelintir umat Islam yang makan dan minum di siang hari dengan sengaja pada bulan Ramadan sedangkan mereka mengetahui Allah SWT Maha Menyaksikan.

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan hujah anda mengapakah keadaan ini berlaku. [4 *markah*]

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022
NEGERI PERLIS

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

PENDIDIKAN ISLAM **1223/1 (PP)**
(Kertas 1)

Peraturan Pemarkahan
Nov

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

SKEMA JAWAPAN

SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	**Dua** bentuk perbuatan mempersendakan Islam: - Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Berasa bangga mempersendakan agama. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	**Dua** kesan perbuatan mempersendakan Islam: - Membatalkan iman seseorang - Tidak dipandang oleh Allah SWT pada hari akhirat. - Tidak mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	**Dua** pengajaran ayat. (TERANGKAN) - Kita hendaklah menjauhi diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) demi menjaga kesucian Islam (1m). - Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan mempersendakan agama sebagai alat permainan dan gurauan (1m) ialah sebahagian daripada tipu daya dunia (1m). - Umat Islam hendaklah sentiasa memberikan peringatan dan nasihat kepada orang yang mempersendakan agama (1m) dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (1m). - Umat Islam hendaklah menyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat (1m) kepada orang yang mempersendakan agama (1m). - Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT (1m) dengan seksaan api neraka (1m).	2 isi x 2m = 4m Isi=1m Huraian=1
	(b)	(i)	**Dua** golongan tersebut: - Pemimpin yang adil. - Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT. - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. - Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.	2 isi x 1m = 2m

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Seseorang yang menyembunyikan sedekah daripada pengetahuan orang lain.
- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh perbuatan seseorang yang menyembunyikan sedekah:
- Memberikan sumbangan kewangan kepada fakir miskin tanpa menghebohkan pemberian tersebut kepada orang lain.
- Memberikan sumbangan kepada tabung bantuan umat Islam Palestin melalui perbankan dalam talian tanpa pengetahuan sesiapa.
- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.

Catatan:
Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2m
= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:
<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3m</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4m</td></tr></table>
Cadangan isi:
- Menjadi contoh sekaligus mengajak orang lain untuk turut bersedekah.
- Sedekah terang-terangan dapat mencegah perkataan buruk orang-orang yang suka menghina dan mencela.
- Wujud syukur atas kurniaan Allah SWT.

Contoh jawapan:
Amalan bersedekah secara terang terangan bertujuan untuk memberi dorongan kepada masyarakat untuk turut bersedekah (1m) agar dapat membantu lebih ramai orang susah (1m). Hal ini akan melahirkan lebih ramai individu yang prihatin membantu golongan yang memerlukan (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berfikiran positif agar</td><td>4m</td></tr>
</table>

			ibadah yang dilakukan dapat menjadi iktibar kepada orang lain.	
	(c)		**Dua** jenis Qalqalah dalam hukum tajwid: - Qalqalah Sughra - Qalqalah Kubra - Qalqalah Akbar	2 isi x 1m = 2m
2	(a)	(i)	**Dua** perkara lain selain uluhiyyah : - Al-Nubuwwah - Al-Ghaibiyyat - Al-Syari'at	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	**Dua** contoh batal iman melalui perbuatan: - Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja. - Melakukan upacara ibadat agama lain. - Meletak peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya. - Mengoyak mushaf al-Quran bertujuan menghina. - Meletakkan ayat suci al-Quran, hadis nabi, nama-nama Allah, rasul, malaikat dan buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya.	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	**Dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. (TERANGKAN) - Mendalami ilmu akidah Islam (1m) supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur (1m). - Bersahabat dengan orang soleh (1m) yang dapat membimbing kepada kebaikan (1m). - Berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT (1m) agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam (1m). **Catatan:** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 isi x 2m =4m
	(b)	(i)	Maksud al-Syahid: Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan (1m) segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk (1m) serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.	2m
		(ii)	**Dua** bukti kefahaman mengenai al-Syahid: - Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya. - Allah SWT menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.	2 isi x 2m =4m

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua perbezaan haji dan umrah

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Aspek</th><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Waktu</td><td>Dikerjakan pada bulan-bulan haji.</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Rukun</td><td>Wajib Wukuf.</td><td>Tiada Wukuf.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">3</td><td rowspan="4">Perkara wajib</td><td>-Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah.</td><td>-Tiada melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah.</td></tr>
<tr><td>-Bermalam di Muzdalifah.</td><td>-Tiada bermalam di Muzdalifah.</td></tr>
<tr><td>-Bermalam di Mina.</td><td>-Tiada bermalam di Mina.</td></tr>
<tr><td>-Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td><td>-Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 2m
=4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud talak:
Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak (1m) yang jelas atau kiasan.</td><td>1 isi x 2m
=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh lafaz talak:
a-Aspek secara jelas- “Aku ceraikan engkau”.

b-Aspek secara Kiasan- “Aku lepaskan engkau mulai hari ini”.</td><td>2 isi x 2m
=4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Contoh Jawapan KBAT:

Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi dan huraian</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi, huraian, huraian lengkap atau contoh.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table></td><td>4m
I - 1M
HL- 1 M
HL -1 M
K -1 M</td></tr>
</table>

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar